damages claimed. This was because the period of calculation had by then been completed and liquidated damages were therefore ascertainable and calculable. Similarly, in the case before me, the liquidated damages could be calculated once the termination date had been ascertained.

Since both counsel left it to the court, I held that the relevant date should be the date water and electricity were installed on 2 February 1989 following *Syarikat Lean Hup (Liew Brothers) Sdn Bhd* v *Cheow Chong Thai*[3] which had been affirmed by the Supreme Court on 19 April 1989 but where the written judgment has yet to be released and reported.

With the liquidated damages and period of calculation ascertained, I need only to decide on prayer (a) of the statement of claim as no order is necessary for prayer (b) since water and electricity had in fact been installed. With the plaintiff already registered as owner and having ordered that the plaintiff is to pay the balance due to the defendants, after setting off the liquidated damages to the plaintiff at prayer (c), at 10% pa interest calculated daily as provided under cl 8 of the agreement and to which counsel for the plaintiff had agreed to pay, I granted order in terms for prayer (a) within two weeks of the decision after that payment has been made. In the circumstances, I ordered each party to bear their own costs.

Before I conclude, and although my ruling did not mention the rate of interest for the liquidated damages, despite the fact that the plaintiff had prayed for 8% pa, I would find that the interest rate should be at 10% pa calculated daily as provided in cl 18 of the agreement. In view of the legal questions involved, I had also granted the defendants leave to appeal.

Order accordingly.

Solicitors: *Lalchand, Nawawi, Phang & Co*; *WY Chan & Roy*; *LA Gomes & Co.*

Reported by *Yap Shao Sin*

See Leng Yap lwn Lee Moong Lin Dan Lain-Lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO C150 1985
ABDUL RAZAK H
28 OGOS 1989

Kontrak — Konsesi balak — Pemindahan konsesi — Pemindahan menyalahi undang-undang — Tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat oleh pihak-pihak dalam perkara itu

Di dalam kes ini, pertikaian timbul daripada pengurusan konsesi balak. Konsesi balak telah diberi kepada Syarikat Ulu Bukau dan mengikut konsesi itu, syarikat itu tidak dibenarkan di bawah lesennya memindah haknya itu kepada mana-mana pihak. Bagaimanapun, mengikut defendan, ia telah membeli konsesi itu dari Syarikat Ulu Bakau itu dan berkongsi dengan plaintif dan bersama menubuhkan syarikat untuk menggunakan lesen konsesi itu. Pertikaian telah timbul antara pihak-pihak itu dan plaintif telah menuntut beberapa perkara daripada defendan, termasuk kira-kira syarikat dan kira-kira operasi.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif:
Pemindahan konsesi itu adalah menyalahi undang-undang dan mana-mana pihak tidak berhak membuat sebarang tuntutan terhadapnya. Oleh kerana itu, tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

[In this case, a company, Syarikat Ulu Bukau, had obtained a timber concession. The first defendant alleged that he had bought the concession from the company and had combined with the plaintiff and the other defendants to work the timber concession and for that purpose had formed a company. The condition of the licence for the timber concession in this case was that it was non-transferable. Disputes arose between the parties and the plaintiff brought an action against the defendants, inter alia, for accounts of the company and accounts of the operations. It was held that as the transfer was illegal, no action could be brought by any of the parties relating to it. The action was therefore dismissed with costs.]

Kes-kes rujukan
1 *Nam Seng & Co* v *Wing Yew Sdn Bhd* [1978] 2 MLJ 198 (diikut)
2 *Lo Su Tsoon Timber Depot* v *Southern Estate Sdn Bd* [1971] 2 MLJ 161 (diikut)

PS Gill bagi pihak plaintif.
Soo Lim Pang bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

Abdul Razak H: Pihak plaintif di dalam kenyataan tuntutannya berkata bahawa defendan kesatu dan seorang bernama Faam Ah Kew, sebagai pekongsi di dalam sebuah syarikat bernama Nanyang Trading (disebut di sini sebagai 'NTC'), kira-kira dalam bulan Julai 1978 telah menjemput pihak plaintif menjadi seorang pekongsi yang berhak sama rata (equal partner) dengan defendan kesatu di dalam syarikat tersebut. Dalam bulan Ogos 1978, atas permintaan pihak defendan kesatu, NTC telah bersetuju melabur sebanyak $60,000 di dalam satu perkongsian (partnership), yang diberi nama East Malaysia Trading

Co (disebut di sini sebagai 'EMT'), yang ditubuhkan oleh defendan kesatu untuk menjalankan perniagaan membalak di Sabah. Dalam bulan Ogos atau September 1978, plaintif telah diberitahu oleh defendan kesatu bahawa EMT telah memperolehi satu konsesi balak seluas 1,500 ekar di Sabah yang berharga sebanyak $300,000. Tabung modal di dalam EMT pada masa itu itu adalah seperti berikut:

NTC	$ 60,000
Tan Kuan Fong	$ 70,000
Tee Ping Sui	$ 50,000
	$180,000

Mengikut plaintif, defendan kesatu berkata EMT telah mengambil satu pinjaman sebanyak $250,000 dari syarikat bernama Interhill Enterprise Sdn Bhd (disebut di sini sebagai 'Interhill') dengan jaminannya memindahkan (assign) konsesi yang telah dibeli oleh EMT itu kepada Interhill.

Mengikut plaintif lagi, defendan kesatu telah gagal mendaftarkan EMT. Oleh itu dia telah memperolehi konsesi itu melalui Syarikat Perkayuan Bukit Timur (disebut sebagai 'SPBT') yang dipunyai oleh defendan kesatu dan kedua atau ahli keluarga mereka dan syarikat tersebut telah mengerjakan konsesi itu bersama dengan sebuah kilang papan. Dari operasi itu, pada tanggal 31 Ogos 1979, aset EMT kesemuanya termasuk keuntungan telah terkumpul berjumlah sebanyak $803,723.33. Setelah dibayar pinjaman sebanyak $250,000 tersebut kepada Interhill, baki asetnya ialah sebanyak $553,723.33. Pengurusan dan operasi EMT adalah di dalam jagaan defendan kesatu yang telah mensifatkan jumlah $250,000 yang dipinjam dengan jaminan konsesi itu sebagai modal defendan. Dia juga telah mengurangkan modal NTC itu dari $60,000 menjadi $30,000. Keputusannya, jumlah modal kesemuanya berjumlah $400,000 dan dengan itu mengurangkan saham NTC di dalam EMT dari kadar 33 1/3% berdasarkan $180,000 kepada 7.5% atas jumlah $400,000. Seterusnya atas cadangan defendan kesatu dan kedua, defendan ketiga telah ditubuhkan pada 5 Februari 1980 dan pihak plaintif serta defendan kesatu dan kedua dan keluarga-keluarga mereka telah menjadi promotor dan pengarahnya. Ekoran dari itu, pengeluaran (allotment) modal saham sebanyak 1,000,000 atas harga satu sen satu saham telah didaftarkan yang disifatkan sebagai telah dibayar. Pihak defendan kesatu dan kedua kemudian telah memaksa (caused) syarikat defendan ketiga mengambil-alih (take over) konsesi dan kilang papan EMT dengan balasan sebanyak $10,000 yang telah dijumlahkan sebagai modal (capitalized).

Defendan kesatu dan kedua telah mengerjakan konsesi dan kilang papan EMT itu sehingga 5 Februari 1980, tetapi telah gagal memberi kira-kira operasinya untuk jangka masa itu, dan tanpa persetujuan plaintif telah menyalahgunakan (misappropriated) kesemua asetnya pada 31 Ogos 1979 sebanyak $553,723.33, bersama-sama dengan segala keuntungan yang terkumpul pada Februari 1980, bagi faedah mereka sendiri. Ekoran dari penipuan menyalahnyatakan (fraudulent misrepresentation) yang dilakukan oleh pihak defendan kesatu itu, plaintif telah memperolehi sebanyak 40,000 saham di dalam syarikat defendan ketiga atas harga $71,000, setelah ditolak sebanyak $9,000 sebagai potongan cukai pendapatan. Kedua-dua defendan telah mengambilalih syarikat defendan ketiga dan segala aset EMT (dengan membuat penipuan atau dengan menggunakan cara-cara yang tidak diizinkan (devious means) atau dengan menyalahnyatakan sesuatu). Butir-butir penipuan dan penyalahnyataan defendan kesatu dan kedua itu adalah seperti berikut:

(a) Menggunakan pinjaman sebanyak $250,000 atas jaminan konsesi itu sebagai modal sahamnya.
(b) Mengurangkan saham NTC di dalam EMT dari $60,000 ke $30,000 dan dengan itu membuat pelaburan NTC di dalam EMT menjadi $150,000.
(c) Meningkatkan modal EMT dari $150,000 ke $400,000.
(d) Menggunakan wang sebanyak $553,723.33 di dalam akaun EMT itu untuk faedahnya, tanpa kebenaran pihak plaintif.
(e) Gagal memberi kira-kira bagi operasi EMT dari 1 September 1979 hingga tarikh konsesi dan kilang papan itu dikatakan diambilalih oleh defendan ketiga.
(f) Gagal memberi kira-kira operasi defendan ketiga semenjak perniagaannya bermula.
(g) Membuat plaintif mempercayai bahawa defendan ketiga telah berjalan dengan mengalami kerugian.
(h) Bertindak supaya saham defendan ketiga dikeluarkan kepada defendan kesatu dan kedua dan keluarganya dan dengan itu membolehkan mereka mempunyai 96% penguasaan syarikat tersebut.
(i) Membolehkan defendan ketiga memperolehi konsesi dan kilang papan EMT dengan harga $10,000, iaitu harga yang terlalu rendah (negligible).

Katanya pihak defendan telah gagal atau enggan, apabila diminta memberi kira-kira EMT atau defendan ketiga dan atau gagal memberi lapuran mengenai keuntungan syarikat-syarikat itu. Plaintif mendakwa yang pihak defendan telah bertindak dengan cara menipu, mempengaruhi (induce) plaintif menjual 40,000 sahamnya di dalam syarikat defendan ketiga atas harga $80,000, sungguhpun defendan mengetahui bahawa plaintif berada di Semenanjung Malaysia dan tidak berupaya untuk menyemak urusan defendan ketiga yang beroperasi di Malaysia Timur.

Pihak plaintif, oleh itu, memohon supaya defendan:

(a) Memberi kira-kira syarikat EMT dari tarikh perniagaannya bermula.
(b) Membayar segala keuntungan EMT yang mengambarkan bahagian saham plaintif sebanyak 11%, dari tarikh ia ditubuhkan hingga tarikh konsesi dan kilang

papan itu diambilalih oleh defendan ketiga pada 5 Februari 1980.

(c) Memberi kira-kira operasi defendan ketiga dari 5 Februari 1980 hingga sekarang.

(d) Dipinda daftar, modal saham yang telah dikeluarkan (issued share capital) supaya menggambarkan pemegang-pemegang saham, semacam mana yang disebut di atas, dan defendan kesatu dan kedua diperintahkan membayar balik segala jumlah yang telah ditipu atau dibayar kepada mereka dan ahli keluarga mereka.

(e) Membatalkan penjualan saham plaintif kepada defendan atas harga $80,000 tersebut atau sebaliknya, aset defendan ketiga dinilai oleh pakar penilai yang bebas.

Pihak-pihak defendan mengaku penubuhan NTC, tetapi menafikan pelaburan NTC di dalam EMT ialah sebanyak $60,000, cuma $30,000 sahaja. Katanya SPBT cuma bertindak sebagai kontraktor bagi EMT mengeluarkan kayu balak di bawah konsesi tersebut. Dia menafikan bahawa konsesi itu telah dibeli dan diperolehi olehnya bagi pihak EMT tetapi sebaliknya konsesi itu telah dibeli oleh defendan sendiri dari sebuah syarikat bernama Ulu Bakau Sdn Bhd di bawah satu perjanjian jualbeli bertarikh 31 Mac 1978, sebelum pelaburan oleh NTC dan caruman oleh pekongsi-pekongsi itu dibuat. Bagaimanapun, katanya caruman (contribution) oleh pekongsi-pekongsi itu adalah sebaliknya seperti berikut:

(1) Lee Moong Lin	$125,000
(2) NTC	$ 30,000
(3) Soh Geok Peng	$125,000
(4) Tan Kuan Fung	$ 70,000
(5) Tee Ping Sui	$ 50,000
	$400,000

Defendan kesatu mengatakan bahawa pinjaman sebanyak $200,000 bukan $250,000 telah diambil olehnya, di bawah namanya sendiri daripada Interhill sebelum pelaburan NTC itu dibuat dan konsesi itu tidak digunakan sebagai jaminan bagi pinjaman itu. Pinjaman itu telah dibayar balik oleh defendan kesatu. Dia menafikan yang dia menggunakan pinjaman itu sebagai modalnya di dalam EMT. Dia mengaku menubuhkan defendan ketiga tetapi menafikan yang dia bertindak membuat defendan ketiga mengambilalih konsesi itu dari EMT, kerana konsesi itu tidak boleh dengan rasminya dipindahkan kepada siapa-siapa, sungguhpun defendan ketiga telah mengerjakannya. Atau sebaliknya, ia berkata operasi konsesi itu oleh EMT atau defendan ketiga adalah menyalahi undang-undang. Katanya, pada tahun 1980, pihak plaintif telah menjual dan menyerahkan segala hak dan kepentingannya di dalam NTC dan EMT dan 40,000 sahamnya di dalam defendan ketiga kepada defendan kesatu atas balasan sebanyak $80,000. Katanya, oleh itu, plaintif tidak lagi berhak kepada kira-kira EMT atau defendan ketiga, malahan tidak mempunyai apa-apa kepentingan atau hak lagi di dalam kedua-dua syarikat itu. Dia menafikan perkara penipuan plaintif sepertimana yang dituduh.

Maka ternyatalah dari apa yang telah kita perhatikan bahawa pertikaian antara kedua pihak berkisar di atas perkara-perkara berikut. Pertama, bahawa pihak defendan telah memutar belitkan kira-kira EMT dengan menunjukkan bahawa NTC mempunyai modal saham yang kurang dari apa yang sebenarnya. Kedua, ketidakbetulan itu berlaku kerana pihak defendan telah menggunakan wang yang dipinjam dari Interhill itu sebagai modalnya, yang mana telah diperolehinya dengan menggunakan konsesi balak EMT sebagai jaminan. Ketiga, aset EMT sebanyak $553,723.33 telah disalahgunakan bagi faedah defendan dan defendan tidak memberi apa-apa kira-kira untuknya. Keempat, atas sebab-sebab di atas pihak defendan telah melakukan penipuan.

Cuba kita lihat isu-isu ini satu persatunya. Pertama, berapakah sebenarnya pelaburan NTC di dalam EMT? Plaintif mengatakan $60,000, tetapi defendan sebaliknya mengatakan $30,000. Plaintif berkata jumlah sebanyak $60,000 itu sudah *dikurangkan* kepada $30,000 oleh defendan. Tetapi saya lihat saksi plaintif sendiri PW(2) yang telah ditugaskan menyimpan kira-kira EMT telah membentangkan kira-kira bagi syarikat itu (B23) di mana ternyata jumlah pelaburan NTC cuma $30,000 sahaja. Juga, kalau dakwaan bahawa saham modal EMT itu telah dikurangkan, maka seharusnya jumlah baki sebanyak $30,000 itu ditunjukkan di dalam kira-kira itu, tetapi tidak. Dakwaan yang dibuat oleh pihak plaintif itu jelas telah dinafikan oleh saksinya sendiri. Di dalam kenyataan tuntutannya, plaintif tidak pula menyatakan bahawa PW(2) telah ditipu atau dengan apa cara dipaksa oleh defendan membuat kira-kira yang tidak betul di dalam B23. Plaintif juga berkata adalah tugas defendan mendedahkan segala kira-kira yang ada padanya. Tetapi, tidakkah ini, seperti mana yang kita lihat, telah dilakukan oleh pihak plaintif sendiri melalui PW(2)? Bagaimanapun, ternyata soal samada pelaburan NTC itu $30,000 atau $60,000 tidak menjadi soal, setakat mana ia melibatkan pihak plaintif, kerana jelas plaintif telah diberi keuntungan atas jumlah pelaburannya sebanyak $20,000 berasaskan kepada pelaburan NTC sebanyak $60,000.

Kedua, apakah konsesi itu telah digunakan sebagai jaminan? Sebelum dikaji soalan ini, perlu disoal dahulu samada konsesi itu telah dibeli oleh EMT atau oleh defendan kesatu sendiri. Plaintif berkata konsesi itu adalah kepunyaan EMT dari awal-awal pembeliannya lagi kerana defendan kesatu telah memberitahunya tentang hal ini pada bulan Ogos atau September 1978. Tetapi manakah buktinya? Bahkan, bukti sebaliknya ialah suatu perjanjian jualbeli antara defendan kesatu dan syarikat Ulu Bakau (B9) yang telah dimetrikan pada tarikh 31 Mac 1978, iaitu sebelum defendan kesatu dikatakan telah bercakap

dengan plaintif tentang hal ini. Dan, kita juga perhatikan bahawa perjanjian itu bukan antara Bakau dengan EMT, atau defendan kesatu bagi pihak EMT, tetapi antara Bakau dengan defendan kesatu atas namanya sendiri. Harus diperhatikan juga tarikh perjanjian itu ialah 31 Mac 1978, dan ini tidak dipertikaikan oleh plaintif, yang tidak dapat tidak bertindak menyokong dakwaan defendan kesatu bahawa konsesi itu telah dibeli olehnya sendiri. Ini disokong lagi oleh kenyataan bahawa keluarganya sendiri telah membayar harga konsesi itu sebanyak $300,000. $150,000 daripadanya telah diterima oleh Syarikat Bakau seperti dinyatakan oleh syarikat itu sendiri. Bayaran bagi $300,000 itu telah dibayar oleh defendan kedua iaitu bapa saudara defendan kesatu (M126). Memang tidak dapat dinafikan bahawa setelah EMT ditubuhkan, konsesi itu telah diserahkan kepada syarikat tersebut, mengikut tujuan EMT bila ditubuhkan. Tetapi, ini seharusnya juga bermakna bahawa jumlah $300,000 yang telah dibayar oleh defendan itu sendiri menjadi caruman sahamnya di dalam EMT.

Ketiga, adakah pinjaman sebanyak $200,000 itu diperolehi setelah konsesi itu dicagarkan sebagai jaminan kepada Interhill. Sepertimana diingat, defendan kesatu mengakui ia telah meminjam dari Interhill untuk membeli barang-barang keperluannya bagi SPBT melakukan kerja-kerja sebagai kontraktor; tetapi, mengikut plaintif, wang itulah yang telah digunakan oleh defendan untuk membentuk modalnya di dalam EMT. Di dalam hal ini, plaintif mengatakan bahawa pinjaman itu ialah sebanyak $250,000 bukan $200,000. Walhal, perjanjian itu sendiri (B70) menyatakan jumlahnya ialah $200,000. Yang menarik perhatian kita ialah kalau plaintif sendiri tidak tahu berapakah jumlah yang sebenarnya dipinjam, bagaimanakah ia pasti wang itu dipinjam oleh EMT? Mengikutnya, hal ini telah diberitahu kepadanya oleh PW(2). Bahkan dia tidak pernah melihat surat perjanjian (B70) itu antara Interhill dan DW(1), cuma menatapnya apabila didedahkan oleh defendan kesatu di mahkamah. Bagaimana agaknya plaintif sebenarnya dikatakan tahu wang itu telah dipinjamkan kepada EMT, semacam mana yang didakwa di dalam kenyataan tuntutannya, jika maklumat itu diperolehinya dari orang lain. Kita tidak dapat tidak harus menyatakan bahawa pinjaman itu bukan diambil oleh EMT tetapi oleh defendan kesatu sendiri kerana perjanjian B70 itu telah dibuat pada bulan Mei 1978, sebelum pun EMT ditubuhkan. Tetapi, bagaimanapun, soalannya ialah adakah konsesi itu telah digunakan oleh defendan kesatu sebagai jaminan? Tidak ada dalil-dalilnya ke arah ini. Fasal 5 perjanjian (B70) itu, tidak menyatakan di mana-mana bahawa wang pinjaman itu diberi atas konsesi itu dijadikan jaminan dan bahawa jika wang itu tidak dibayar jaminan itu akan menjadi hak pihak Interhill. Fasal 7 cuma menyatakan bahawa jika defendan kesatu melanggar syarat-syarat perjanjian, maka wang baki yang masih belum dibayar akan diwajibkan dibayar. Tetapi, tidak disebut di situ tentang akibatnya kepada konsesi tersebut jika ini berlaku. Sepekara lagi, sekalipun konsesi itu telah menjadi hak EMT yang mana dinafikan oleh defendan, ini tidak semestinya bermakna hutang sebanyak $200,000 yang dipinjam dari Interhill itu menjadi tanggungan (liability) pihak EMT, melainkan EMT telah bersetuju menerima tanggungan itu atau telah mengiktirafnya kemudian (ratified). Kita tidak didedahkan dengan dalil-dalil ini.

Harus disebut di sini, dalam keterangannya pihak defendan kesatu memang ada menyatakan bahawa dia telah menggunakan konsesi itu sebagai jaminan bagi pinjamannya. Tetapi, saya percaya dia telah salah faham atas kedudukan undang-undang yang sebenarnya, berasaskan kepada dalil-dalil yang telah dinyatakan di atas. Pihak peguam plaintif berkata bayaran bagi pinjaman itu telah dibayar oleh EMT kepada Interhill melalui jualan balak kepada Interhill, memetik apa yang katanya dinyatakan oleh defendan kesatu di dalam keterangannya, tetapi apa yang sebenarnya dikatakan oleh pihak defendan kesatu di dalam keterangannya (lihat 96E) ialah bahawa pinjaman itu dibayar oleh SPBT dari wang yang diperolehinya sebagai kontraktor membuat kerja-kerja membalak dari konsesi tersebut. Perlu juga diingat bahawa sekiranya wang sebanyak $200,000 yang diperolehi oleh DW(1) itu adalah sebenarnya wang EMT yang dihutang oleh DW(1), maka tentulah diharapkan bahawa kira-kira EMT (B23) itu (untuk mempastikan ia betul) menunjukkan bahawa pihak defendan telah terhutang sebanyak yang dinyatakan; tetapi ini tidak ada disebut di dalam kira-kira itu, sungguhpun plaintif sendiri mengakui kira-kira itu seharusnya digambarkan (M25).

Keempat, berapakan modal EMT yang sebenar. Pihak plaintif menyatakan $210,000 sahaja, tetapi defendan menyatakan jumlahnya $400,000. Tetapi, bagaimanakah jumlahnya menjadi $210,000 kalau kira-kira plaintif sendiri di dalam B23 menunjukkan jumlahnya $400,000?

Pihak plaintif telah membuat dakwaan-dakwaan bahawa penipuan telah dilakukan oleh pihak defendan kesatu terhadapnya. Setakat mana tuduhan-tuduhan ini bersabit dengan perkara pertama, kedua, ketiga dan empat di atas, kita telah mengkajinya dan jelas dakwaan ini tidak berasas. Jika ada dakwaan-dakwaan yang lain, saya tidak diberitahu. Kalau ada penipuan, tentulah ia terkandung di dalam B23. Kalau kira-kira B23 itu tidak betul, ia adalah perbuatan PW2 sendiri.

Kita tidak boleh lari juga dari hakikat undang-undang bahawa sekalipun tuntutan plaintif itu benar, ia tidak dapat dilaksanakan, memandangkan kedudukan konsesi itu sendiri. Kita masih ingat konsesi itu telah dibeli oleh defendan dari Syarikat Bakau, tetapi syarikat itu tidak dibenarkan di bawah lesennya memindah (transfer) haknya itu ke mana-mana pihak. Autoriti-autoriti jelas menyatakan bahawa pemindahan itu adalah menyalahi undang-un-

dang dan mana-mana pihak tidak berhak membuat apa-apa tuntutan terhadapnya dan terbit darinya: lihat *Nam Seng & Co* v *Wing Yew Sdn Bhd*[1] dan *Lo Su Tsoon Timber Depot* v *Southern Estate Sdn Bhd.*[2] Kesemua pihak yang terlibat di dalam penggunaan lesen itu, iaitu Bakau, EMT, NTC, plaintif dan defendan telah mendapat faedah daripadanya, di dalam suatu perkiraan yang tidak bersih. Jalan keluar bagi pihak-pihak yang terlibat bagi membetulkan kedudukan mereka ialah dengan memohon bantuan ekuiti. Tetapi, di dalam kenyataan yang dinyatakan, bagaimanakah mereka yang terlibat boleh memohon ekuiti memulihkan kedudukan mereka kepada yang asal, kerana tindakan mereka adalah bersetentang dengan prinsip ekuiti yang berkata 'sesiapa yang memohon bantuan ekuiti hendaklah datang dengan tangan yang bersih'. (Those who come to equity must come with clean hands.)

Satu perkara lagi yang penting harus dilihat di dalam kes ini. Kita perhatikan pada tahun 1979, plaintif telah menerima jumlah wang sebanyak $80,000 dari defendan yang mana, setelah ditolak jumlah bayaran cukai pendapatan, berjumlah sebanyak $71,000 sebagai harga jualan sahamnya di dalam syarikat defendan ketiga, yang telah mengambilalih EMT. Tidak ada sepatah kata pun dibuat selepasnya oleh plaintif bahawa penjualan itu telah dilakukan olehnya setelah tertipu. Bahkan, tidak ada satu lapuran pun dibuat kepada pihak polis menyatakan hal itu. Cuma, setelah empat tahun lamanya selepas hal itu baharu tindakan mahkamah ini diambil mendakwa bahawa ia telah ditipu oleh defendan supaya menjual sahamnya dan meminta supaya ia (defendan) diperintahkan membuat kira-kira. Pada pendapat saya, sikapnya menjual dan menerima saham itu, dengan tidak ada apa-apa bantahan dan mengambil masa yang begitu lama membuat tuntutannya tanpa apa-apa sebab yang munasabah, bertindak menyekat (estopped) plaintif daripada menyatakan ia telah tertipu.

Oleh itu, saya memutuskan bahawa tuntutan ini ditolak dengan bayaran kos.

Tuntutan ditolak.

Peguam: *Gill & Tang*; *Stanley Ponniah, Ng & Soo.*

Dilapurkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*

Hotel Royal Ltd Bhd v Tina Travel & Agencies Sdn Bhd

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — CODE NO D2-28(42)-518-88
SITI NORMA YAAKOB J
14 AUGUST 1989

Companies and Corporations — Winding up — Application to set aside winding-up petition — Judgment obtained against respondent — Failure to settle amount due on judgment — Respondent alleging that they have realizable assets — Meaning and scope of 'unable to pay its debts' — Companies Act 1965, s 218(1)(e)

Words and Phrases — 'Unable to pay its debts' — Companies Act 1965, s 218(1)(e)

The respondent applied to set aside a winding-up petition, alleging that they have realizable assets to pay the amount due to the petitioner. The petition is issued pursuant to the respondent's failure to comply with a notice issued under s 218 of the Companies Act 1965, ie failure to settle the amount due on a judgment obtained by the petitioner against the respondent.

Held, dismissing the respondent's application:

(1) The primary meaning of the phrase 'unable to pay its debts' in s 218(1)(e) of the Companies Act 1965 is insolvency in the commercial sense, ie inability to meet current demands irrespective of whether the company is possessed of assets, which, if realized, would enable it to discharge its liabilities in full.

(2) The test of the solvency of the respondent does not depend on the presence of their realizable assets.

[*Editorial Note*: The respondent has appealed to the Supreme Court vide Civil Appeal No 02-228 of 1989.]

Cases referred to

1 *Re Sunshine Securities (Pte) Ltd* [1978] 1 MLJ 57 (folld)
2 *Malayan Plant (Pte) Ltd* v *Moscow Narodny Bank Ltd* [1980] 2 MLJ 53 (folld)
3 *Re Hong Huat Realty (M) Sdn Bhd* [1987] 2 MLJ 502 (folld)
4 *Re Sanpete Builders (S) Pte* [1989] 1 MLJ 393 (folld)

Legislation referred to

Companies Act 1965 s 218(1)(e)

Francis Lim Chiew Kee for the respondent/appellant.
N Nadkarni for the petitioner/respondent.

Cur Adv Vult

Siti Norma Yaakob J: In this application to set aside a winding-up petition, the respondent had pleaded that they have realizable assets to pay the amount due to the petitioner.

The petition is issued pursuant to the respondent's failure to comply with a notice dated 16 August 1988 issued under s 218 of the Companies Act 1965. In other words, the respondent was not able to settle the amount due on a judgment obtained by the petitioner against the respondent on 2 September 1987.